

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Dewasa ini kita mengalami perubahan yang amat radikal iaitu pengguna telah menggunakan sumber elektronik dalam memenuhi keinginan pencarian maklumat. Peningkatan penggunaan pencarian maklumat elektronik ini sedikit sebanyak telah mengubah pencarian tradisional yang biasa dilakukan oleh mereka. Ini memberi satu pengertian bahawa pengguna sedang menuju ke satu era ledakan maklumat yang tiada had dan batasannya.

Perubahan tersebut pada asasnya adalah dalam bentuk fizikal di mana kandungan maklumat yang meningkat telah ditawan, diproses, disimpan dan tersebar dalam bentuk elektronik. Kebiasaannya, sumber elektronik maklumat meliputi CD-ROM, pangkalan data, OPAC, internet dan lain-lain sumber rangkaian maklumat yang bersaing dan sesetengahnya menggantikan sumber maklumat bercetak yang wujud sejak berabad-abad lamanya sebagai media permulaan untuk menyimpan dan merakamkan komunikasi kandungan maklumat (Cornish, 1997)

Menurut Missingham (2001) pada tahun 1990, perpustakaan telah berubah menjadi penting di mana ia membangunkan perkhidmatan dan pemprosesan baru terutamanya apabila dihubungkan dengan perkembangan sumber elektronik di dalam koleksi. Lebih banyak perpustakaan dan sumber maklumat menyediakan pengaksesan kepada teks penuh CD-ROM dan pangkalan data. Pangkalan data ini pelbagai bentuk meliputi subjek sebagaimana maklumat terdahulu yang pernah disimpan oleh mereka.

Sumber elektronik pada hari ini disediakan dalam bentuk angka, grafik dan bentuk bibliografi (Carroll et al.1990).

Ahli-ahli Persatuan Perpustakaan Penyelidikan (ARL) telah mendigitalkan beratus-ratus koleksi dalam pelbagai bidang dan menambah koleksi mereka serta menyewa sumber digital daripada penerbit. Terbitan statistik yang berakhir pada bulan Jun 2001 menunjukkan bahawa ahli-ahli ARL telah menghabiskan lebih \$132 juta ke atas sumber elektronik yang melebihi 16% untuk belanjawan perkakasan perpustakaan. Tambahan lagi, sejak tahun 1992-1993 peratus belanjawan ke atas sumber elektronik telah meningkat dua kali lebih cepat dan sesetengahnya meningkat enam kali berbanding peratus belanjawan ke atas perkakasan perpustakaan (The Journal of Academic Librarianship, 2003).

Sementara itu, Gray (2002) pula menyatakan sebahagian besar koleksi perpustakaan di Universiti Duke menyediakan sumber dalam bentuk elektronik. Buat masa itu (30 Julai 2002), Universiti Duke telah melanggar sebanyak 11,850 jurnal elektronik dan 299 pangkalan data penyelidikan dengan tajuk yang bersesuaian. Dianggarkan sumber elektronik akan berkembang dengan lebih pesat lagi pada masa hadapan sekiranya lebih banyak penerbit menyertakan penulisan mereka secara *online*.

Walau bagaimanapun, rangkaian komunikasi baru ini telah memasuki pasaran penyediaan maklumat di mana lebih ramai pengguna akan menggunakan terutamanya ahli akademik dan pelajar (Chern, 2000). Peningkatan penggunaan jurnal elektronik contohnya juga menunjukkan bahawa pengguna sedang menghadapi proses perubahan komunikasi secara saintifik (Boyce & Dalterio, 1996). Ia adalah penting untuk melihat penggunaan pengguna dan persepsi mereka ke atas sumber elektronik yang tersedia hari ini dan jangkaan masa hadapan sumber elektronik tersebut.

Teknologi sumber maklumat telah ditubuhkan dengan kukuh di perpustakaan pada hari ini. Bagaimana pengguna menerima teknologi yang disediakan ini merupakan satu bahagian yang perlu dikaji. (Mehta & Young, 1995). Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ke atas pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Malaya ini diharapkan akan menyediakan tanggapan yang lebih berguna mengenai pandangan mereka terhadap penggunaan maklumat melalui sumber elektronik yang disediakan oleh perpustakaan universiti kepada mereka.

1.1 Latarbelakang Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

Fakulti Pendidikan Universiti Malaya ditubuhkan pada bulan Jun 1963 di kenali sebagai Sekolah Pendidikan. Ia menawarkan Diploma Pendidikan bagi siswazah yang memilih guru sebagai profesion. Sekolah Pendidikan ini berkembang dengan amat pesat sekali sehingga telah dinaikkan taraf kepada status fakulti pada bulan Julai 1965 selepas dua tahun beroperasi. Seterusnya, program Sarjana Pendidikan pula diperkenalkan pada tahun 1967, diikuti dengan penawaran program Doktor Falsafah setahun kemudian (Buku Panduan Program Ijazah Dasar Sesi 2003/2004).

Pada dasarnya, Fakulti Pendidikan terdiri daripada lima bahagian struktur yang berbeza. Namun begitu, ia telah mengalami penstruktur dan pembentukan semula organisasi bagi memenuhi hasrat, visi dan objektifnya. Pada tahun 2001, pembentukan struktur organisasi terbaru fakulti telah dilaksanakan dengan penubuhan jabatan-jabatan tersebut. Antaranya ialah :

- ◆ Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan
- ◆ Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling
- ◆ Jabatan Pengurusan, Perancangan dan Dasar pendidikan

- ◆ Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi
- ◆ Jabatan Pendidikan Matematik dan Sains
- ◆ Jabatan Kurikulum dan Teknologi Pengajaran
- ◆ Institut Kepengetuaan

(Buku Panduan Program Ijazah Dasar Sesi 2003/2004)

Selain daripada menawarkan kursus-kursus di peringkat ijazah tinggi sejak penubuhannya, Fakulti Pendidikan ini juga turut menyediakan beberapa program ijazah dasar. Program tersebut ialah program Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan yang dimulakan dengan Fakulti Sains Universiti Malaya pada tahun 1975 dalam memenuhi permintaan yang tinggi untuk guru sains dan matematik. Sementara itu pada tahun 1982, Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam pula diperkenalkan dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (Buku Panduan Program Ijazah Dasar Sesi 2003/2004).

Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa kedua ditawarkan pada tahun 1980 yang merupakan program ijazah dasar Fakulti Pendidikan. Ia merupakan kerjasama di antara Fakulti Bahasa dan Linguistik dengan Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Seterusnya, pada tahun 1998 program ijazah dasar dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling pula dilaksanakan (Buku Panduan Program Ijazah Dasar Sesi 2003/2004).

Pada tahun Januari 2000, buat pertama kalinya Institut Kepengetuaan diperkenalkan di negara ini yang ditubuhkan oleh Fakulti Pendidikan. Kesemua pelajar kursus ini yang ditaja oleh Kementerian Pendidikan terdiri daripada guru-guru senior yang telah melalui siri penilaian dalam bidang kepengetuaan. Walau bagaimanapun, pada sesi kemasukan 2003/2004 program ini telah dibuka kepada umum agar mereka dapat

mentadbir sekolah dengan cekap dan berkesan (Buku Panduan Program Ijazah Dasar Sesi 2003/2004).

Fakulti Pendidikan berhasrat untuk mengeluarkan pendidik berijazah tinggi bagi memenuhi permintaan sistem pendidikan yang dinamik dengan kekuatan kakitangan akademik yang hampir kepada seratus orang dan jumlah kakitangan sokongan seramai lima orang pada tahun 1963. Tidak hairanlah fakulti ini mempunyai sekumpulan pakar yang profesional, yang boleh memberikan sumbangan lebih besar kepada perkembangan dalam bidang pendidikan (Buku Panduan Program Ijazah Dasar Sesi 2003/2004).

Dengan kelebihan-kelebihan ini, hasrat Fakulti Pendidikan sudah pastinya akan tercapai seandainya pelajar-pelajar mereka sering didedahkan dengan bahan-bahan daripada sumber elektronik. Pengembelingan idea dan tenaga dalam menyediakan makmal-makmal komputer di fakulti menjadi pemangkin kepada penggunaan komputer sekaligus membantu pelajar-pelajar menggunakan sumber elektronik yang disediakan kepada mereka.

1.2 Pernyataan masalah

Ahli akademik dan penyelidik di perpustakaan menghabiskan wang berjuta-juta dolar untuk memperolehi sumber maklumat dan mencipta sumber digital sendiri. Dengan pelaburan tersebut, secara tidak langsung perpustakaan telah menyediakan peluang pengaksesan yang berguna terhadap bahan-bahan tersebut. (Caudle, 2003)

Sumber elektronik yang disediakan untuk pengguna bertujuan memberi peluang kepada mereka untuk mencapai kembali maklumat yang diingini tanpa perlu bersusah payah sebagaimana yang perlu dilakukan pada masa dahulu. Namun, apa yang dikesalkan

terdapat sebilangan pengguna terutamanya pelajar yang tidak tahu menggunakan atau mengetahui perbezaan di antara sumber maklumat elektronik (Arbib & Bronstein, 2002)

Menurut Ray & Day (1998), pelajar merupakan satu kumpulan yang berasas baik kerana diberi peluang untuk mengakses maklumat tanpa dikenakan bayaran. Pihak universiti telah memperuntukan belanjawan bagi menyediakan kemudahan teknologi untuk kegunaan para pelajar bagi membantu dalam proses pembelajaran yang lebih berkesan.

Mereka bukan sahaja tidak berminat untuk mengakses sumber tersebut, malah ada di antara mereka yang kurang pengetahuan dan tidak berusaha untuk melibatkan diri dalam penggunaan sumber elektronik. Sesetengah daripada mereka masih selesa dengan pencarian maklumat secara tradisional. Sekiranya keadaan begini berterusan, sudah pasti mereka akan ketinggalan dari segi pencapaian maklumat dan sedikit sebanyak kedaan ini turut menjelaskan kualiti mereka sebagai seorang mahasiswa yang cemerlang.

1.3 Objektif

Secara amnya, objektif kajian ini dinyatakan untuk memudahkan penyelidikan bagi meneroka, memberi penjelasan dan pengelasan serta untuk menetapkan perkaitan (Sulaiman, 2003). Antara objektif kajian ini ialah :

- i. Mengenal pasti penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar Fakulti Pendidikan
- ii. Untuk meneliti pandangan pelajar terhadap maklumat yang terdapat di dalam sumber elektronik
- iii. Untuk mengenal pasti pendedahan komputer dan latihan sumber elektronik yang diterima oleh pelajar

- iv. Untuk melihat masalah yang dihadapi ketika menggunakan sumber elektronik

1.4 Persoalan kajian

Bagi memenuhi objektif kajian yang dinyatakan sebelum ini, pengkaji telah mengategorikan maklum balas kepada persoalan kajian. Ianya meliputi:

- i. Bagaimanakah penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar Fakulti Pendidikan?
- ii. Apakah pandangan pelajar terhadap maklumat yang terdapat di dalam sumber elektronik?
- iii. Apakah pendedahan komputer dan latihan sumber elektronik yang diterima oleh pelajar?
- iv. Apakah masalah yang dihadapi ketika menggunakan sumber elektronik ?

1.5 Kepentingan kajian

Kajian ini dirasakan penting dalam memberi maklumat terkini mengenai penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar Fakulti Pendidikan di Universiti Malaya. Sebagai pelajar universiti mereka seharusnya menggunakan mana-mana sumber elektronik yang disediakan oleh perpustakaan mengikut tahap pembelajaran mereka.

Selain itu, kajian ini juga menggambarkan sejauh mana sumber elektronik yang disediakan, dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar dan meneliti kembali keberkesanan sumber elektronik dalam mencapai matlamat penubuhan perpustakaan universiti.

Kajian ini sedikit sebanyak memberi panduan dan maklumat kepada perpustakaan di Universiti Malaya bagi mengenal pasti kekerapan sumber elektronik yang digunakan

oleh pelajar. Selain itu, pihak perpustakaan berpeluang memperbaiki perkhidmatan dan menambah sumber maklumat yang diperlukan oleh pelajar.

Sekiranya terdapat kelemahan atau masih kedapatan pelajar yang tidak dapat mengakses sumber elektronik yang disediakan dengan sepenuhnya, pihak perpustakaan diharap dapat menyediakan beberapa alternatif dalam memberikan maklumat kepada pelajar walaupun kelas kemahiran maklumat memang disediakan oleh perpustakaan.

1.6 Skop dan batasan

Kajian ini terhad dijalankan ke atas pelajar Fakulti Pendidikan di Universiti Malaya. Walaupun kajian boleh dilakukan ke atas pelajar di fakulti yang lain, pengkaji lebih berminat kepada pelajar di Fakulti Pendidikan kerana mereka sentiasa didedahkan dengan kelas-kelas teknologi maklumat dan pastinya dengan pendedahan tersebut menguatkan lagi penggunaan sumber elektronik di kalangan mereka.

Pelajar yang terlibat ialah pelajar ijazah dasar dan pelajar ijazah lanjutan. Pelajar ijazah dasar meliputi pelajar tahun satu, tahun dua, tahun tiga dan tahun empat. Manakala bagi pelajar ijazah lanjutan tergolong untuk pelajar sarjana sahaja. Dalam kajian ini, hanya 6% daripada populasi telah digunakan sebagai sampel kajian di Fakulti Pendidikan. Oleh yang demikian, maklumat yang diperolehi dianggap benar berdasarkan kepada jawapan yang akan diperolehi nanti.

1.7 Definisi

Huraian definisi yang akan dibincangkan dalam kajian ini merangkumi perkataan penggunaan, sumber elektronik, internet, pangkalan data elektronik, jurnal elektronik, buku elektronik, sistem katalog awam atas talian (OPAC) dan CD-ROM. Kesemua

definisi sumber elektronik hanya terhad kepada penggunaan di universiti atau di kolej lainya tidak dihubungkan dengan penggunaan secara kebetulan atau luar daripada universiti atau kolej. Definisi yang lebih terperinci akan dihuraikan di bawah.

1.7.1 Penggunaan

Bermaksud perihal iaitu perkara yang melambangkan perbuatan, kegiatan, dan lain-lain. Ia juga boleh diertikan sebagai menggunakan sesuatu. Contohnya ialah; Penggunaan kata itu tidak sesuai dengan ayat ini. Menurut Kamus Dewan lagi, perkataan penggunaan boleh disamakan juga dengan perkataan pemakaian seperti pemakaian barang-barang, hasil perusahaan, bahan makanan, dll (Kamus Dewan, 1998).

1.7.2 Sumber elektronik

Merupakan sebarang pekerjaan yang dikodkan dan disediakan untuk mengakses melalui penggunaan komputer. Ia mengandungi kedua-dua data atas talian dan data elektronik dalam format fizikal. Contohnya ialah CD-ROM. (Library of Congress, 2004)

1.7.3 Internet

Merupakan sebuah rangkaian komputer yang dibina dengan menggabungkan rangkaian komputer yang lebih kecil dengan menggunakan protokol TCP/IP atau protokol yang boleh menterjemahkan TCP/IP. Ia merupakan sebuah rangkaian komputer sangat yang memberikan dua perkhidmatan utama iaitu komunikasi dan capaian maklumat (Ahmad Zaharim, 1999).

1.7.4 Pangkalan data elektronik

Pangkalan data elektronik berfungsi menyimpan artikel, abstrak dan kenyataan supaya pengguna boleh mencarinya untuk tujuan penyelidikan. Artikel, abstrak dan kenyataan ini dijual oleh penerbit kepada pangkalan data. Pangkalan data mempunyai bentuk yang unik iaitu bertindak dalam keadaan yang sama. Apa yang perlu dilakukan ialah memasukkan kata kunci ke dalam kotak carian dan pangkalan data akan mencari artikel, abstrak dan kenyataan yang terkandung di dalam terma tersebut. Pangkalan data akan mencapai kembali maklumat dalam tiga jawapan samada melalui teks artikel penuh, abstrak atau pun kenyataan. Kesemua jawapan ini akan disenaraikan dengan rekod yang terbaru (Moraine Valley Community College, 2001).

1.7.5 Jurnal elektronik

Jurnal elektronik boleh disamakan dengan jurnal bercetak. Jurnal ini mengandungi koleksi-koleksi artikel, diterbitkan pada jarak yang tetap di bawah tajuk yang dikehendaki. Jurnal elektronik diterbitkan di dalam web. Selain itu, jurnal ini juga turut diterbitkan dalam bentuk bercetak. Untuk membaca jurnal elektronik di dalam web, pengguna perlu mempunyai ‘web browser’ seperti ‘Internet Explorer’ dan ‘Netscape Navigator’ untuk melihat halaman jurnal dan kandungan jadual. Bagi melihat teks penuh sesuatu jurnal, pengguna dikehendaki memasang perisian ‘reader’ ke dalam komputer. Kebanyakan jurnal elektronik diterbitkan dalam dua format iaitu Adobe Acrobat dan Real Page (The University of Glamorgan Information Gateway, 2004).

1.7.6 Buku elektronik

Buku elektronik merupakan buku yang telah ditukarkan kepada bentuk digital dan boleh dibaca pada skrin komputer, kebiasaannya melalui perkhidmatan rangkaian atau CD-ROM. Buku elektronik boleh dikembangkan ke atas media bercetak dengan menambah hubungan teks luas, carian dan fungsi rujukan bersilang serta multimedia. Buku elektronik juga serba boleh, mudah dibawa dan selesa digunakan (Computer User.com, 2004).

1.7.7 Sistem katalog awam atas talian (OPAC)

OPAC merupakan katalog yang dikomputerkan mengandungi butir-butir rekod di dalam perpustakaan atau institusi organisasi yang digunakan untuk menyimpan dan mencapai kembali maklumat (Ariyapala & Edzan, 2002). Carian OPAC pada hari ini menyediakan ciri-ciri asas seperti pengarang, tajuk, kepala subjek, nombor panggilan, kata kunci dan maklumat mengenai status pinjaman dan tempahan (Lancaster & Sandor, 1997).

1.7.8 CD-ROM (Compact disc read only memory)

CD-ROM digunakan bersama komputer yang mempunyai sejumlah besar maklumat digital yang boleh disimpan dan dicapai kembali tetapi tidak boleh diubah oleh pengguna. Ia mengandungi lebih 650 megabait maklumat yang hanya boleh dibaca dari *drive* CD-ROM. CD-ROM merupakan adaptasi dari cakera padat yang dibangunkan untuk menyimpan data komputer dalam bentuk teks dan grafik seperti bunyi stereo hi-fi. Pada hari ini, CD-ROM mengikut ukuran yang tetap dan bertindak dalam piawaian *drive* CD-ROM (Tech Target Network, 2004).

1.8 Kesimpulan

Keseluruhannya, tinjauan penulisan dalam bab ini membincangkan pengenalan kajian yang berkaitan dengan penggunaan sumber elektronik di perpustakaan iaitu latarbelakang Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, pernyataan masalah, objektif, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan serta definisi. Bagi meneruskan kesinambungan penyelidikan ini, bab yang seterusnya iaitu bab dua akan meneliti kajian-kajian terdahulu yang pernah dijalankan oleh penyelidik sebelumnya yang mempunyai persamaan dengan kajian yang akan dilakukan.